

08 MAY 1999

Mohd Ali - Projek

KEMENTERIAN KESIHATAN BELANJA PERUNTUKAN IKUT JADUAL

MELAKA, 8 Mei (Bernama) -- Kementerian Kesihatan mengarahkan semua pegawai kanannya termasuk di peringkat negeri supaya meningkatkan pemantauan projek-projek pembangunan bagi memastikan "masalah remeh" yang menyebabkan projek lewat siap tidak lagi berlaku.

Timbalan Menteri Datuk Mohd Ali Rustam berkata kelewatan pelaksanaan projek pembangunan kementerian itu lebih disebabkan oleh masalah teknikal dan bukannya kerana wang peruntukan tidak dibelanjakan.

Kementerian telah membelanjakan 90 peratus peruntukan mengikut jadual, katanya kepada pemberita di sini.

Menurutnya kebanyakan projek hospital atau poliklinik yang lewat siap adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan kecil peringkat akhir yang tertangguh.

"Arahan atau kelulusan bagi kerja-kerja kecil seperti itu boleh diberikan oleh para pegawai kepada kontraktor jika mereka kerap meninjau projek dan mengadakan perbincangan," katanya ketika diminta mengulas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya ketua setiausaha dan pegawai kewangan kementerian memastikan prosedur birokrasi diatasi segera bagi memastikan projek pembangunan siap mengikut jadual.

Mohd Ali berkata arahan telah diberikan kepada pegawai kanan supaya mengadakan mesyuarat dengan kontraktor sekali setiap dua minggu menjelang enam bulan tarikh jangka siap sesuatu projek.

"Kerja pembaikan atau penambahan boleh dibincangkan dan diluluskan dalam tempoh itu dan bukannya setelah projek hampir siap," katanya.

Beliau berkata projek pembangunan kementerian itu perlu dilaksanakan segera kerana kelewatan akan menjejaskan perkhidmatan kepada masyarakat.

Katanya antara projek pembangunan hospital baru yang lewat siap daripada jadual asal ialah hospital Muar, Selayang, Sandakan, Bintulu dan Melaka.

Mengenai kompleks baru Hospital Melaka bernilai RM77 juta yang dibina pada tahun 1995 itu, beliau berkata jadual baru bagi operasi hospital tersebut ditetapkan akhir bulan ini selepas ia gagal disiapkan sebelum 1 April lepas.

Mohd Ali berkata punca projek itu lewat siap ialah kerana masalah kecil seperti mengubah saiz pintu, penambahan sistem pendawaian dan pemasangan jerigi, yang sepatutnya boleh diatasi lebih awal kerana kebanyakan masalah itu telah dikesan beberapa bulan sebelum tarikh jangka siap.

Kompleks itu menyediakan kemudahan baru seperti perkhidmatan rawatan hydrotheraphy, unit rawatan mangsa kebakaran dan tambahan dewan bedah daripada lima kepada lapan bilik, bilik bersalin daripada 10 kepada 17 buah dan penambahan katil di wad-wad lain.

Hospital itu yang sekarang menyediakan kemudahan 806 katil akan mempunyai tambahan 800 katil lagi di kompleks baru tersebut.

-- BERNAMA

MOZ LAT